

## **POLA SUSUNAN MAKLUMAT TEKS UCAPAN BELANJAWAN MALAYSIA 2019**

*(Malaysian 2019 Budget Speech Text Pattern of Information Arrangement)*

Muhammad Faizul Abd Hamid & Mohd Azidan Abdul Jabar

### **ABSTRAK**

Bahasa secara umumnya dilihat sebagai syarat yang perlu ada dalam kehidupan manusia untuk menjayakan aktiviti sosial. Dari perspektif ucapan, bahasa digunakan untuk berbagai-bagai tujuan seperti melahirkan buah fikiran, berkomunikasi, menyebarkan ideologi dan mempengaruhi khalayak ramai. Ucapan yang berkesan lazimnya mempunyai gabungan maklumat yang teratur melalui pola susunan maklumat yang dikemali sebagai tema dan rema. Penggunaan tema dan rema membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan tidak tergantung. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis pola susunan maklumat dan menjelaskan fungsi penggunaannya dalam teks ucapan Belanjawan 2019. Data teks ucapan telah dimuat turun oleh pengkaji melalui portal rasmi Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada 25 Mac 2019 – <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub19.pdf> . Penyelidikan ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah kualitatif. Kerangka pemikiran pergerakan tematik (*thematic progression*) yang diilhamkan oleh Danes (1974) telah dijadikan pegangan sepanjang proses penyelidikan dilakukan. Berdasarkan hasil kajian, terdapat empat jenis pola susunan maklumat yang digunakan oleh pewacana iaitu, tematik linear (*zig-zag*), tematik tema kekal, tematik tema daripada hipertema dan tematik tema daripada perincian pecahan rema. Kolaborasi keempat-empat pola susunan maklumat menunjukkan bahawa pola-pola ini berperanan dalam mewujudkan makna teks ucapan belanjawan 2019 yang kontekstual, tersusun dan mudah diterima oleh pengguna bahasa. Hal ini demikian, pola susunan maklumat yang dijalinkan dapat dapat menstruktur satu aliran huraian maklumat yang logik dan sistematik oleh pewacana kepada khalayak.

**Kata kunci:** pola susunan maklumat, tema, rema, teks ucapan, Belanjawan 2019

### **ABSTRACT**

Language is generally seen as a necessary rule in human life to make social activities successful. From the perspective of speech, languages are used for a variety of purposes such as giving thoughts, communicating, disseminating ideologies and influencing the public. Effective speeches typically have a compromise of orderly information through a pattern of informational compilation as a theme and rheme. The use of theme and rheme allows the verses in a paragraph to be well organized until the sequence of information is smoothly delivered and independent. Therefore, this paper aims to identify the type of pattern of information arrangement and clarify its usage in the

2019 Budget speech text. The data of the speech text in Malay language was downloaded by the researchers through the official portal of the Ministry of Finance Malaysia (MOF) on March 25th, 2019 - <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub19.pdf>. This research is a descriptive study using qualitative method. The theory of the thematic progression that Danes (1974) inspired was used throughout the research process. Based on the results of the study, there are four types of information ordering patterns used by the speaker, namely, linear thematic (zig-zag), perpetual theme thematic, thematic theme from hypertheme and thematic theme from detailed breakdown rheme. The collaboration of all four patterns of information shows that these patterns play a role in creating contextual, structured and easy-to-read 2019 Budget speech text. In this way, the pattern of structured information is able to structure a logical and systematic flow of information dissemination by the speaker to the public.

**Keywords:** *pattern of information, theme, rheme, speech text, 2019 Budget*

## **PENGENALAN**

Terma “ucapan belanjawan” yang pertama kali diutarakan ialah pada tahun 1797 di Britain (Google Ngram Viewer, 2020). Hal ini demikian, pembentangan ucapan belanjawan merupakan tradisi di Britain. Walau bagaimanapun, negara-negara kومنwel seperti Australia, Kanada, Guyana, Kenya dan Malaysia turut mewarisi dan meneruskan amalan yang sama (Rajandran, 2019). Teks ucapan belanjawan merujuk kepada rancangan belanjawan yang memuatkan anggaran hasil dan perbelanjaan untuk tahun fiskal kewangan (Samihah Khalil et. al, 2010). Tahun fiskal adalah satu tahun kalendar, iaitu dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun bagi jabatan kerajaan mengutip hasil dan memperuntukkan perbelanjaan mereka. Di Malaysia, pembentangan ucapan belanjawan merupakan salah satu peristiwa politik yang berlangsung pada setiap akhir tahun. Intipati yang terkandung dalam ucapan belanjawan menjadi pembentangan yang sering ditunggu-tunggu oleh semua lapisan masyarakat (Ferry, Zakaria & Eckersley, 2014). Hal ini kerana, teks ucapan belanjawan merupakan wacana politik yang diwacanakan oleh kerajaan mengenai prestasi ekonomi, dasar dan perkara yang ingin ditawarkan kepada masyarakat (Van Dijk, 1997).

Teks ucapan belanjawan menjadi wadah yang paling penting untuk kerajaan dan seluruh isi negara. Hal ini demikian, ucapan belanjawan merangkumi laporan penerangan dari pelbagai sudut seperti sistem pertahanan negara, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, pelancongan dan sebagainya (Lukin, 2015). Ucapan belanjawan meraih perhatian besar daripada khalayak ramai, sama ada di dalam negara atau luar negara kerana jangkaan hasil dan perbelanjaan kerajaan mampu mencerminkan pembangunan ekonomi untuk beberapa tahun. Dengan demikian, teks belanjawan dapat dilihat sebagai wadah kesempaan kerajaan untuk mempengaruhi hidup masyarakat dan berupaya membentuk persepsi mereka terhadap sesebuah parti politik yang memerintah (Thompson, 2015). Wacana politik sebenarnya berupaya membantu mengukuhkan hegemoni sesebuah parti politik dengan menggambarkan keupayaan ekonomi. Hal ini kerana, wacana politik merupakan alat untuk mengalirkan segala dasar kepada khalayak (Carlsson & Eliasson, 1994).

Teks merupakan perkataan yang diungkap kepada pendengar untuk menyampaikan sesuatu menerusi ucapan. Abdullah Hassan (2005) menyatakan bahawa teks ialah sejumlah ayat yang secara menyeluruh berfungsi untuk menyampaikan maklumat mengenai sesuatu perkara. Ayat yang terdapat dalam teks ucapan mempunyai hubungan timbal balik antara pengucap dengan pengguna bahasa. Hubungan ini dapat disambut kerana unsur-unsur yang menjadikan teks sebagai mesej komunikasi yang berkesan dan sempurna. Manakala, Crsytal (2007) melihat teks sebagai sejumlah ayat yang secara keseluruhan dapat menyampaikan khabar mengenai sesuatu topik. Oleh itu, teks boleh datang dengan satu perenggan, satu muka surat ataupun satu makalah. Teks ucapan yang berkesan amat penting bagi memastikan makna keseluruhan ucapan dapat disampaikan kepada khalayak. Susunan teks yang berterabur akan menyebabkan matlamat sesuatu pengucapan menjadi 'tergantung'. Pendapat yang sama diberikan oleh Brown & Yule (1983:105) bahawa teks ucapan harus terdiri daripada ciri-ciri linguistik tertentu agar binaannya mempunyai kesinambungan yang jelas bagi menyampaikan sesuatu yang bermakna. Susunan ayat yang berkesinambungan membolehkan pembaca memahami maklumat yang disampaikan.

Menurut Danes (1974), susunan klausa yang terdapat dalam ayat berperanan untuk menzahirkan maklumat. Hal ini demikian, hanya ayat yang jelas sahaja dapat mempamerkan susunan maklumat dalam ayat. Halliday & Hasan (2014) berpendapat bahawa susunan maklumat merujuk kepada gabungan dua elemen maklumat, iaitu maklumat lama dan maklumat baru. Secara jelas susunan maklumat merujuk kepada proses interaksi di antara apa yang sudah diketahui atau dijangka (maklumat lama) oleh khalayak dan apa yang belum diketahui atau tidak dijangka (maklumat baru) oleh khalayak. Kebanyakan ahli bahasa seperti Danes (1974), Asmah Haji Omar (1986), Cook (1989), Sato (1997), Ertenschik-Shir (2007) dan Idris Aman (2014) bersependapat bahawa susunan maklumat dalam ayat yang terdapat pada klausa boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Kedua-dua bahagian yang dinyatakan merujuk kepada bahagian maklumat yang telah diberitahu dan maklumat yang belum diberitahu. Lazimnya, maklumat lama wujud pada klausa pertama dan maklumat baru berada pada bahagian kedua klausa dalam ayat. Kedua-dua susunan maklumat ini pula boleh berubah status semasa proses pengaliran maklumat. Ini bermakna, maklumat baru akan berubah status menjadi maklumat lama dalam ayat yang seterusnya. Proses ini akan sentiasa berulang-ulang sehingga pewacana selesai berbicara.

Susunan sesuatu maklumat dalam sesebuah teks pula boleh ditanda dengan rema dan tema (Danes, 1974). Maksudnya, maklumat lama ditandai dengan tema dan maklumat baru ditandai dengan rema. Lazimnya, rema akan hadir bersama-sama dengan tema dalam satu rangkaian ayat ujaran. Oleh itu, dalam sesuatu informasi yang disampaikan akan terdapat dua jenis tanda yang dikenali sebagai tema dan rema (T - R). Tema atau dikenali dengan istilah judul (Asmah Haji Omar, 2009) merupakan topik yang menjadi agenda perbincangan (Brown & Yule, 1983; Idris Aman, 2012). Tema menempatkan klausa dalam konteksnya dan mengorganisasikan klausa sebagai mesej (Halliday & Matthiessen, 2014). Ini bermakna, tema merupakan titik tolak mesej yang memandu pendengar atau pembaca untuk menginterpretasi mesej yang terkandung dalam klausa atau ayat. Manakala, rema atau cerita pula merupakan tanda yang menentukan tujuan perbincangan. Rema merupakan lebih mesej atau maklumat baharu yang antaranya dapat mengayakan pengetahuan khalayak (Idris Aman, 2014). Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang diutarakan oleh Steedman (2000) bahawa "*a topic/comment or theme/rheme distinction between the part of utterance that relates it to the purpose of the discourse, and the part that advance the discourse*".

Kajian lampau berkenaan pola susunan maklumat dapat dibahaskan melalui dua sudut, iaitu data kajian dan skop kajian. Berdasarkan skop kajian, rata-rata kajian banyak bersandarkan kepada kajian linguistik yang membincangkan sistem dan komponen struktur bahasa seperti kompetensi wacana. Kompetensi wacana merujuk kepada kajian yang mengutarakan pengetahuan dan keupayaan menyusun ayat dalam penulisan karangan bagi menghasilkan struktur bahasa yang koheren. Sebagai contoh, Ebrahimi dan Ebrahimi (2012) menyiasat penguasaan susunan maklumat teks naratif bahasa Inggeris oleh pelajar di Iran dari sudut tahun pengajian pelajar, iaitu tahun satu, tahun dua dan tahun akhir. Manakala, kajian Gao (2012) memerihai susunan maklumat penulisan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dari sudut pemboleh ubah bangsa. Seterusnya, Medve & Takac (2013) berusaha mengenal pasti perbezaan pemanfaatan susunan maklumat yang digunakan dalam karangan argumentasi bagi bahasa Inggeris dan bahasa Jerman sebagai bahasa asing. Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi (2014) juga memaparkan beberapa jenis susunan maklumat yang boleh dipraktikkan oleh guru di dalam kelas untuk mengajar pelajar menulis karangan dengan baik.

Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin (2015) pula hanya memperincikan setiap aliran tematik yang dimanfaatkan dalam penulisan ekspositori bahasa Sepanyol. Norfaizah Abdul Jobar et. al (2016) pernah menjalankan kajian terhadap karangan jenis pendapat oleh murid berbangsa Cina tingkatan 5. Berbeza dengan kajian yang lain, kajian struktur maklumat Azlina Mohd Sera'ai et. al (2017) telah melibatkan tahap pencapaian pelajar sebagai pemboleh ubah. Jika diteliti, kebanyakan kajian di atas lebih tertumpu kepada isu yang mengetengahkan keupayaan menyusun ayat dalam karangan pelajar. Hal ini jelas menunjukkan bahawa data bagi mengkaji struktur maklumat lebih cenderung memanfaatkan data penulisan karangan berbanding teks ucapan politik. Menerusi pengamatan ini, perbincangan terhadap ciri susunan maklumat masih belum memadai kerana hanya berlegar-legar di sekitar teks karangan dan kurang meneroka hubungan yang wujud antara ciri susunan maklumat dengan rasional penggunaannya dalam menyampaikan maklumat. Hal ini bertepatan dengan pandangan Thompson (1996) yang menyatakan bahawa kajian terhadap susunan maklumat berfungsi untuk meneliti cara pewacana mengkonstruksi maklumat agar proses pengembangan makna dapat berjalan dengan lancar dan bukan sahaja terikat kepada penilaian untuk menyusun ayat.

Dengan itu, penulis mengambil inisiatif untuk melanjutkan kajian dengan membongkar ciri susunan maklumat teks ucapan belanjawan bagi memantapkan lagi badan pengetahuan kajian penulisan terutamanya dalam bidang politik. Melalui analisis susunan maklumat di dalam teks "*we can gain an insight into its texture and understand how the writer makes clear to us the nature of his underlying concerns*" (Halliday, 1985). Menyedari hakikat bahawa teks ucapan masih belum diberi huraian linguistik secara komprehensif, maka kajian ini akan memanfaatkan teks ucapan belanjawan untuk meneliti aliran maklumat yang disampaikan oleh pewacana kepada khalayak. Pengkaji berpendapat bahawa khalayak perlu cakna dengan maklumat yang disampaikan oleh pewacana kerana belanjawan merupakan dokumen penting yang menyatakan hala tuju kerajaan dalam mentadbir negara. Kajian ini turut berpandangan bahawa teks belanjawan merupakan satu alternatif bahasa direpresentasikan dalam dunia nyata oleh manusia. Representasi merujuk kepada aktiviti menyampaikan idea, fikiran, maklumat, pengetahuan dan seumpamanya (Fairclough, 2003: 26). Oleh itu, objektif utama kajian ini secara jelasnya ingin (i) mengenal pasti pola susunan maklumat dalam teks ucapan Belanjawan 2019 dan (ii) menjelaskan pola susunan maklumat dalam teks ucapan Belanjawan 2019.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menganalisis teks dokumen. Poses analisis dan menguruskan data kajian pula meliputi beberapa peringkat iaitu (i) pemilihan data, (ii) pengekodan data, (iii) pengenalpastian kehadiran pola susunan maklumat (iv) pengaplikasian teori, (v) huraian dapatan analisis dan yang terakhir (vi) memberi kesimpulan. Secara analoginya, tahap pertama melibatkan proses memilih data dengan menggunakan kaedah melayap dan mengimbas. Kaedah melayap dan mengimbas dilakukan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sama ada korpus wacana yang dipilih mempunyai beberapa jenis susunan maklumat yang menjadi fokus kajian. Melayap adalah pembacaan pantas keseluruhan teks secara sepintas lalu. Manakala, mengimbas pula merupakan pembacaan untuk mengesan kedudukan maklumat khusus (Creswell, 2017). Kedua-dua cara ini akan memberi gambaran keseluruhan tentang kandungan bahan bacaan. Tahap kedua meliputi langkah pengekodan (*coding*) pada setiap perenggan data untuk ketiga-tiga objektif kajian. Bagi memudahkan proses penganalisan, pembentangan dapatan dan pembacaan, semua teks yang dikaji ini akan ditandakan dengan sistem nombor rujukan yang mengandungi maklumat tahun pembentangan, perenggan dan ayat. Walau bagaimanapun, hanya data yang berkaitan dengan objektif kajian akan dikeluarkan daripada teks ucapan. Pengekodan merupakan suatu sistem simbol atau huruf yang diberi makna sewenang-wenangnya (Idris Aman, 2014). Memandangkan data yang digunakan hanya mempunyai tiga hingga empat ayat setiap perenggan, maka pengekodan pada setiap perenggan dapat memperlihatkan maklumat dengan jelas semasa proses menganalisis seperti contoh di bawah:


1. F2. (a) Kerajaan <sup>(T)</sup> komited membantu isi rumah untuk memperkukuh kedudukan kewangan melalui perlindungan insuran dan takaful <sup>(R)</sup>. (b) Keadaan kecemasan <sup>(T)</sup> seperti penyakit kritikal dalam keluarga boleh menyebabkan tekanan kewangan yang serius <sup>(R)</sup>. (c) Insurans atau takaful <sup>(T)</sup> boleh menjadi sebagai jaringan perlindungan dengan menyediakan bantuan kewangan dan membolehkan golongan berpendapatan rendah kembali meneruskan kehidupan <sup>(R)</sup>.

Rujukan F yang terdapat pada label F2.(a), (b) dan (c) mewakili bahagian F, rujukan 2 merujuk kepada perenggan kedua dan tanda (a), (b) dan (c) ialah ayat pertama, ayat kedua serta ayat ketiga. Selain itu, rujukan tema <sup>(T)</sup> dan rema <sup>(R)</sup> yang **ditebalkan** turut diberikan pada setiap klausa dalam ayat. Pengekodan pada setiap perenggan yang dilakukan dapat memperlihatkan maklumat-maklumat yang wujud semasa proses menganalisis. Proses ketiga pula dilakukan berdasarkan objektif pertama kajian. Kehadiran jenis pola susunan maklumat pada awal ayat akan dikenal pasti secara menyeluruh dari bahagian A hingga L. Pengaplikasian teori pergerakan tematik Danes (1974) pula dijalankan pada tahap keempat. Tahap kelima adalah penghuraian hasil kajian berdasarkan objektif kedua. Penghuraian hasil kajian secara eksplisit dapat menggambarkan rasional penggunaan pola susunan maklumat. Tahap terakhir merupakan rumusan kesimpulan kepada kajian yang dilakukan. Tahap ini melibatkan proses merumus kata kunci terpenting dari dapatan kajian dan pernyataan tentang pentingnya hasil kajian kepada masyarakat atau bidang kajian. Perumusan kajian dilakukan bagi memudahkan pemahaman pembaca dan juga untuk menjawab semula permasalahan kajian yang telah ditimbulkan pada awal bab.

## TEORI KAJIAN


Kajian susunan maklumat terhadap teks ucapan Belanjawan 2019 dijalankan dengan memanfaatkan kerangka teori pergerakan tematik (*thematic progression*) yang diilhamkan oleh Danes (1974). Terdapat 4 jenis pola tematik yang disarankan oleh Danes (1974), iaitu:

a) Pola Tematik Linear (Zig-Zag)




Pola tematik linear (zig-zag) merupakan penyusunan tema (T) yang berasal daripada rema (R). Melalui pola ini, T1 digunakan untuk merujuk kepada tema pertama (maklumat baru) dalam ayat yang pertama dan R1 merupakan rema pertama (maklumat lama) dalam ayat pertama. Manakala, T2 ialah tema kedua yang diambil daripada R1 untuk membina ayat kedua dan begitulah seterusnya. Proses ini akan berulang-ulang sehingga satu perenggan atau satu bab.

b) Pola Tematik Tema Kekal




Pola tematik tema kekal biasanya berlaku apabila tema yang hadir dalam siri ujaran adalah sama kerana diulang dalam ayat demi ayat [T1 = T2(T1) = T3(T1)]. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam siri ujaran [R1 - R2 - R3]. Ini bermakna, pewacana memilih untuk mengekalkan tema yang sama dalam ayat pertama untuk ayat kedua dan ayat-ayat seterusnya. Manakala, penambahan maklumat baru hanya berlaku pada bahagian rema sebagai fokus ujaran.

c) Pola Tematik Tema daripada Hipertema



Pola tematik tema daripada hipertema terjadi apabila tema yang diungkapkan berasal daripada hipertema. Maksudnya, segala maklumat lama yang disampaikan hadir daripada ‘ayat topik’ atau topik utama perbincangan. Sebagai contoh, [ T ] merupakan perkara pokok atau inti ujaran. Seterusnya, gabungan ayat seperti  $T1 \rightarrow R1 + T2 \rightarrow R2 + T3 \rightarrow R3$  akan memberi maklumat berdasarkan inti ujaran tersebut. Semua ayat yang dizahirkan akan dikawal dengan kepelbagaian maklumat mengikut konteks hipertema yang sama. Pembaca atau pendengar mampu memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu.

d) Pola Tematik Tema daripada Perincian Pecahan Rema



Pola tematik tema daripada perincian pecahan rema terbentuk melalui proses gabungan pola tematik linear dan pola tematik tema kekal. Lazimnya, pola jenis ini dimanfaatkan dengan mengambil pola-pola asas yang mengembangkan bahagian maklumat baru, iaitu rema. Ini bermaksud, maklumat-maklumat baru akan diperincikan satu demi satu berdasarkan kepada jumlah maklumat yang terkandung dalam bahagian rema berkenaan. Kemudian, perincian maklumat baru akan dilakukan pada bahagian tema yang mengandungi maklumat lama dalam ayat-ayat yang seterusnya. Sebagai contoh, pola susunan  $(R_i + R_{ii})$  menunjukkan proses pengandaan rema dalam sesebuah mesej yang disampaikan.  $R_1$  yang mengandungi  $R_i$  dan  $R_{ii}$  berperanan untuk menjelaskan maklumat pada bahagian  $R_1$  dan  $R_i$  akan menjadi T dalam ayat yang seterusnya. Proses ini akan berlaku sehingga pewacana selesai memperincikan maklumat yang ingin disampaikan.

## DATA KAJIAN

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, kajian ini memanfaatkan teks ucapan Belanjawan 2019. Ucapan ini telah disampaikan oleh Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, di Dewan Rakyat pada hari Jumaat, 2 November 2018. Lazimnya, pembentangan ucapan belanjawan disiarkan melalui saluran radio dan televisyen oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM – stesen penyiaran kerajaan) dan ostesen penyiaran swasta lain pada jam 4:00 petang waktu tempatan. Teks ucapan telah dimuat turun melalui portal rasmi Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) – <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub19.pdf> (dikutip pada 25 Mac 2019). Belanjawan 2019 merupakan belanjawan pertama parti Pakatan Harapan setelah meraih 113 kerusi sehingga melayakkan parti ini membentuk kerajaan persekutuan Malaysia yang baharu. Teks ucapan yang diperolehi pengkaji merupakan teks bahasa Melayu yang berjumlah 96 muka surat, 222 perenggan, 523 ayat dan 12,449 patah perkataan. Setiap perenggan teks ucapan hanya mempunyai satu hingga lima ayat sahaja. Selain itu, teks ucapan ini mempunyai 12 subbahagian utama mengikut strategi yang diketengahkan, iaitu bahagian A sehingga bahagian L. Bagi memudahkan pengawalan data yang besar, penelitian hanya diberikan kepada strategi-strategi yang disampaikan oleh pewacana iaitu bahagian A sehingga bahagian L. Penelitian terhadap kata alu-aluan dan penutup tidak akan diberikan. Walaupun terdapat beberapa ucapan penting lain seperti perutusan hari kebangsaan, tahun baharu dan sebagainya. Namun, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan wacana Belanjawan 2019 menjadi pilihan. Pertama, ucapan belanjawan merupakan wacana yang ditujukan kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira faktor bangsa, kaum, agama dan fahaman politik. Dengan ini, tema belanjawan mesti lebih meliputi persoalan keseluruhan rakyat negara Malaysia. Bukan itu sahaja, lazimnya ucapan-ucapan penting lain lebih bersifat khusus. Misalnya, perutusan tahun baharu Hijrah dan hari raya aidilfitri yang ditujukan khusus untuk masyarakat Islam. Begitu juga dengan ucapan-ucapan yang lain. Bukan itu sahaja, kajian ini turut berpandangan bahawa bahasa (dalam kajian ini merujuk kepada teks ucapan) bermanfaat dan telah dimanfaatkan oleh organisasi politik, yakni kerajaan Pakatan Harapan bagi mencapai hasrat politik.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian terhadap teks ucapan Belanjawan 2019 mendapati bahawa pola susunan maklumat yang dimanfaatkan pewacana dalam menyampaikan ucapannya mengandungi keempat-empat jenis pola tematik yang disarankan oleh Danes (1974), iaitu pola tematik linear (*zig-zag*), pola tematik tema kekal, pola tematik tema daripada hipertema dan pola tematik rema daripada perincian pecahan tema. Huraian setiap jenis pola yang digunakan beserta contoh adalah seperti berikut:

### i. Pola Tematik Linear (*zig-zag*)

1. A1.(a) Kerajaan Persekutuan <sup>(T1)</sup> telah menstruktur semula pendekatan belanjawan melalui *Zero-Based Budgeting* iaitu sistem belanjawan berasaskan sifar belanjawan



- (R1). (b) Pendekatan ini (T2=R1) akan meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan penjimatan kerana perbelanjaan dibuat melalui penilaian matlamat peruntukan (R2).
2. D4.(a) Untuk golongan suri rumah di bawah program e-Kasih (T1), kerajaan telah memperkenalkan sebuah skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-SURI (R1). (b) Melalui skim ini (T2=R1), kerajaan akan menyediakan geran padanan RM40 setiap bulan sebagai insentif kepada suami penyayang yang mencarum dengan kadar minimum RM5 sebulan kepada simpanan persaraan isteri (R2).
  3. I9. (a) Untuk menggalakkan perkembangan ekonomi digital (T1), kerajaan akan melaksanakan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCEP) dengan peruntukan RM1 bilion (R1). (b) Pelan ini (T2=R1) bertujuan membangunkan infrastruktur jalur lebar dalam usaha memastikan pengagihan spektrum lebih efektif (R2).

Berdasarkan data 1, data 2 dan data 3 di atas, klausa yang ditandakan dengan (T1) dalam ayat (a) merupakan maklumat lama. Klausa yang ditandakan dengan (R1) dalam ayat dan data yang sama pula berfungsi sebagai maklumat baru pertama. Ini bermakna, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan (T1) untuk menyampaikan maklumat lama dan kemudiannya diikuti oleh (R1) yang memaklumkan maklumat selanjutnya. Manakala, klausa yang ditandakan dengan (T2) dalam ayat (b) pada ketiga-tiga data di atas pula merupakan maklumat lama kedua. Seterusnya, klausa yang ditandakan dengan (R2) dalam ayat yang sama berfungsi sebagai maklumat baru kedua yang disampaikan oleh pewacana. Jika diperhalusi, maklumat baru pertama (R1) dalam ayat (a) pada ketiga-tiga data akan berubah menjadi maklumat lama kedua (T2) dalam ayat (b). Hal ini demikian, bahagian rema yang terkandung dalam ayat yang terdahulu akan menjadi tema dalam ayat yang seterusnya. Hal ini selaras dengan pendapat Cook (1989: 64) yang menegaskan bahawa, “any unit of information may change status as the discourse proceeds, and what was new in one sentence become given in the next, precisely because it just been said”.

Misalnya, klausa pertama “pendekatan ini”, “melalui skim ini” dan “pelan ini” dalam ayat (b) pada ketiga-tiga data di atas, merupakan maklumat lama (T2) yang diambil daripada maklumat baru (R1) dalam ayat (a). Manakala, maklumat lama kedua (T2) yang diambil semula daripada maklumat baru pertama (R1) bagi ketiga-tiga data di atas ialah “pendekatan belanjawan melalui *Zero-Based Budgeting*”, “skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-SURI” dan “Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCEP)”. Oleh itu, klausa pertama dalam ayat (b) diletakkan tanda (T2) yang bersamaan dengan (R1). Dari sudut penyusunan maklumat, ketiga-tiga ayat pada data di atas dianggap ideal dan merupakan kaedah paling asas yang digunakan oleh pewacana untuk menyampaikan ucapannya kerana ayat yang terkandung saling berhubung antara maklumat lama (T) dengan maklumat baru (R). Pewacana dilihat cuba mengalihkan kerangka pemikiran yang lain dengan cara memilih elemen tema yang sama dengan rema pada awal klausa dalam ayat. Oleh itu, khalayak berupaya mengenal pasti maklumat lama berdasarkan maklumat baru yang telah dinyatakan oleh pewacana pada ayat sebelumnya.

## ii. Pola Tematik Tema Kekal

4. B12. (a) Kerajaan (T1) akan mengambil segala tindakan untuk mendapat segala dana yang hilang atau dicuri daripada IMDB (R1). (b) Kerajaan (T2=T1) telah memohon kepada Mahkamah England untuk membatalkan Perjanjian Penyelesaian yang dipersetujui

dengan pihak International Petroleum Investment Corporation (IPIC) dan Aabar Investment PJS daripada Abu Dhabi, pada 30 Oktober 2018 <sup>(R2)</sup>. (c) Kerajaan <sup>(T3=T1)</sup> tidak akan membayar baki USD4.32 bilion kepada IPIC dan Aabar dan sebaliknya akan menuntut pemulangan USD1.46 bilion yang telah dibayar <sup>(R3)</sup>.

5. C19. (a) LHDN <sup>(T1)</sup> akan meneliti dan menyiasat sebarang harta kekayaan luar biasa yang ditunjukkan melalui pemilikan barang kemas, jam tangan, beg tangan, kereta mewah atau hartanah <sup>(R1)</sup>. (b) LHDN <sup>(T2=T1)</sup> akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut lunas undang-undang untuk mendapatkan kembali sebarang wang tunai, sama ada dalam bentuk cukai tambahan, penalti atau denda <sup>(R2)</sup>.
6. G13. (a) Prasarana Berhad <sup>(T1)</sup> akan memperbaiki jaringan perkhidmatan dengan menggunakan sepenuhnya aset terkini yang merangkumi 1,131 bas RapidKL, 408 RapidPenang, 69 RapidKuantan & 300 bas perantara MRT <sup>(R1)</sup>. Prasarana Berhad juga <sup>(T2=T1)</sup> akan melaksanakan usahasama dengan syarikat bas swasta untuk menguruskan laluan dan mengawal kos bagi memaksimumkan kualiti perkhidmatan <sup>(R2)</sup>.

Berdasarkan data 4, data 5 dan data 6 di atas, klausa yang ditandakan dengan <sup>(T1)</sup> dalam ayat (a) merupakan maklumat lama. Klausa yang ditandakan dengan <sup>(R1)</sup> dalam ayat dan data yang sama pula berfungsi sebagai maklumat baru pertama. Ini bermakna, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan <sup>(T1)</sup> untuk menyampaikan maklumat lama dan kemudiannya diikuti oleh <sup>(R1)</sup> yang memaklumkan maklumat selanjutnya. Manakala, klausa yang ditandakan dengan <sup>(T2=T1)</sup> dalam ayat (b) pada ketiga-tiga data di atas pula merupakan maklumat lama kedua.

Seterusnya, klausa yang ditandakan dengan <sup>(R2)</sup> dalam ayat yang sama berfungsi sebagai maklumat baru kedua yang disampaikan oleh pewacana. Walau bagaimanapun, jika diteliti ketiga-tiga data di atas, maklumat lama kedua <sup>(T2)</sup> dalam ayat (b) merupakan maklumat lama <sup>(T1)</sup> yang diambil daripada ayat (a). Misalnya, klausa pertama “kerajaan”, “LHDN” dan “Prasarana Berhad” dalam ayat (b) pada ketiga-tiga data di atas, merupakan maklumat lama kedua <sup>(T2)</sup> yang diambil daripada maklumat lama pertama <sup>(T1)</sup> dalam ayat (a). Hal ini menunjukkan bahawa pewacana telah mengekalkan bahagian tema bagi kedua-dua ayat (a) dan ayat (b) untuk menyampaikan mesej kepada khalayak. Oleh itu, klausa pertama dalam ayat (b) diletakkan tanda <sup>(T2)</sup> yang bersamaan dengan <sup>(T1)</sup>. Seperti yang dinyatakan oleh Danes (1974: 118-119) bahawa pewacana boleh memilih untuk mengekalkan bahagian tema dalam setiap ayat yang disampaikan bagi menentukan hala tuju perbincangan. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam ayat yang sama. Sebagai contoh pada data 4, <sup>(R1)</sup> dalam ayat (a), “akan mengambil segala tindakan untuk mendapat segala dana yang hilang atau dicuri daripada 1MDB” tidak sama dengan <sup>(R2)</sup> dalam ayat (b), “telah memohon kepada Mahkamah England untuk membatalkan Perjanjian Penyelesaian ...”. Hal ini kerana, pewacana memilih untuk mengekalkan tema yang sama dalam ayat pertama untuk ayat kedua dan ayat-ayat seterusnya. Manakala, penambahan maklumat baru hanya berlaku pada bahagian rema sebagai fokus ujaran.

### iii. Pola Tematik Tema daripada Hipertema

7. C14. (a) Bagi perkhidmatan atas talian <sup>[T1]</sup> yang diimport oleh pengguna, penyedia perkhidmatan asing akan dikehendaki berdaftar dengan Kastam, mengenakan dan meremit cukai perkhidmatan yang berkaitan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020 <sup>(R1)</sup>.

Contoh perkhidmatan ini ( $T_2 = T_1$ ) termasuklah perisian, muzik, video atau sebarang pengiklanan digital ( $R_2$ ).

8. D6. (a) Bagi menstabilkan bekalan dan menyeragamkan harga barangan keperluan asas, terutama di Sabah dan Sarawak ( $T_1$ ), kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta ( $R_1$ ). (b) Antara barangan yang terlibat ( $T_2 = T_1$ ) adalah tepung gandum, gula bertapis dan minyak masak dalam paket 1kg, serta beras tempatan 15% hancur pek 10kg, Petrol RON95, diesel dan LPG ( $R_2$ ).
9. H7. (a) Memperkenalkan Dana Wibawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) ( $T_1$ ) bagi menggalakkan institusi latihan awam bersaing untuk menawarkan program latihan yang lebih kompetitif dan memenuhi keperluan industri, dengan jaminan pekerjaan kepada graduan ( $R_1$ ). Peruntukan sebanyak RM30 juta ( $T_2 = T_1$ ) disediakan untuk dana ini ( $R_2$ ).

Berdasarkan data 7, data 8 dan data 9 di atas, pewacana didapati telah menyusun mesejnya dengan menggunakan pola tematik tema daripada hipertema. Keadaan ini berlaku apabila tema yang diungkapkan oleh pewacana berasal daripada hipertema. Maksudnya, segala maklumat lama yang disampaikan hadir daripada ‘ayat topik’ perbincangan. Bermula dengan ayat yang mengemukakan maklumat utama, pewacana seterusnya akan mengemukakan ayat kedua atau ayat selanjutnya berdasarkan ayat topik. Secara jelas, susunan maklumat dalam ayat berikutnya akan dikawal dalam lingkungan ayat topik yang diketengahkan dalam hipertema. Oleh itu, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan ( $T_1$ ) yang merujuk kepada maklumat lama atau perkara pokok perbincangan dan kemudiannya diikuti oleh ( $R_1$ ) yang memaklumkan maklumat baru selanjutnya. Seterusnya, gabungan ayat seperti ( $T_2 + R_2$ ) akan memberi maklumat berdasarkan inti ujaran tersebut. Khalayak berupaya memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu, iaitu ( $T_1$ ). Walau bagaimanapun, rema tetap berperanan untuk menyampaikan maklumat baru supaya informasi dapat dikembangkan.

Sebagai contoh, ayat (b) yang ditandakan dengan ( $T_2 = T_1$ ) seperti “contoh perkhidmatan ini”, “antara barangan yang terlibat” dan “peruntukan sebanyak RM30 juta” pada ketiga-tiga data di atas merupakan maklumat lama yang diambil daripada perkara pokok atau hipertema ( $T_1$ ) ayat (a). Secara analoginya, ayat (a) pada data 7 telah mengutarakan maklumat hipertema mengenai perkhidmatan atas talian yang perlu didaftarkan dan dikenakan cukai. Manakala, ayat (b) pada data yang sama merupakan ayat yang menyatakan jenis-jenis perkhidmatan atas talian yang terlibat. Begitu juga dengan ayat (a) pada data 8 yang membincangkan inti ujaran tentang keseragaman harga barangan keperluan asas di Sabah dan Sarawak. Ayat (b) pada data yang sama pula merupakan ayat yang menyatakan jenis-jenis barangan yang perlu diseragamkan. Ayat (a) pada data 9 telah membincangkan ayat topik tentang pengenalan dana untuk TVET dan ayat (b) pada data yang sama pula menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk dana tersebut.

#### iv. Pola Tematik Tema daripada Perincian Pecahan Rema

10. C28. (a) Cukai, fi dan levi ( $T_1$ ) ke atas sektor perjudian seperti lesen kasino ( $R_i$ ), duti kasino ( $R_{ii}$ ), lesen mesin *dealer* ( $R_{iii}$ ) dan duti mesin judi ( $R_{iv}$ ) yang tidak dinaikkan sejak tahun 2005 akan dipinda ( $R_1$ ). (b) lesen kasino ( $T_2 = R_i$ ) akan dinaikkan daripada RM120 juta kepada RM150 juta setiap tahun ( $R_2$ ). (c) Duti kasino ( $T_3 = R_{ii}$ ) akan dinaikkan kepada

- 35% ke atas pungutan bersih <sup>(R3)</sup>. (d) Lesen mesin *dealer* <sup>(T4 = Riii)</sup> akan dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM50,000 setiap tahun <sup>(R4)</sup>. (e) Duti mesin judi <sup>(T5 = Riv)</sup> akan dinaikkan daripada 20% kepada 30% ke atas kutipan kasar <sup>(R5)</sup>.
11. L10. (a) Kerajaan <sup>(T1)</sup> akan meningkatkan kemudahan asas terhadap bekalan elektrik dan air <sup>(Ri)</sup>, orang asli <sup>(Rii)</sup> dan persatuan penduduk Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia <sup>(Riii)</sup> <sup>(R1)</sup>. Akses bekalan elektrik dan air <sup>(T2 = Ri)</sup> di luar bandar akan diberi peruntukan sebanyak RM694 juta dan RM738 juta masing-masing <sup>(R2)</sup>. Orang asli <sup>(T3 = Rii)</sup> akan diberi peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membina infrastruktur bagi penempatan semula, pendidikan dan kebajikan <sup>(R3)</sup>. Persatuan penduduk yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia <sup>(T4 = Riii)</sup> akan diberikan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk menjalankan aktiviti komuniti dan keselamatan <sup>(R4)</sup>.
12. M1. (a) Kerajaan <sup>(T1)</sup> akan meneruskan dan menambahbaik Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada B40 dengan memberikan bantuan secara lebih bersasar dan bergantung kepada tiga jenis saiz isi rumah iaitu, isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah <sup>(Ri)</sup>, isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 <sup>(Rii)</sup> dan isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 <sup>(Riii)</sup> <sup>(R1)</sup>. (b) Mulai Januari 2019, isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah <sup>(T2 = Ri)</sup> akan menerima bantuan berjumlah RM1,000 <sup>(R2)</sup>. (c) Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,001 hingga RM3,000 <sup>(T3 = Rii)</sup> akan menerima bantuan berjumlah RM750 <sup>(R3)</sup>. (d) Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 hingga RM4,000 <sup>(T3 = Riii)</sup> akan menerima bantuan berjumlah RM500 <sup>(R4)</sup>.

Berdasarkan data 10, data 11 dan data 12 di atas, pewacana didapati telah menyusun mesejnya dengan menggunakan pola tematik tema daripada perincian pecahan rema. Keadaan ini berlaku apabila pewacana memilih untuk menggabungkan beberapa rema <sup>(R)</sup> untuk membentuk tema <sup>(T)</sup> yang baharu. Menurut Danes (1974: 120-121) pola tematik tema daripada perincian pecahan rema lazimnya dimanfaatkan dengan mengambil pola-pola asas yang mengembangkan bahagian maklumat baru, iaitu rema. Ini bermakna, pola jenis ini berfungsi untuk mengembangkan maklumat dan selanjutnya memperincikan bahagian maklumat baru yang wujud dalam ayat yang berkenaan. Secara analoginya, titik tolak pengaliran mesej oleh pewacana dimulakan dengan <sup>(T1)</sup> untuk menyampaikan maklumat lama dan kemudiannya diikuti oleh <sup>(R1)</sup> yang memaklumkan maklumat selanjutnya. Namun, terdapat beberapa pecahan maklumat baru dalam <sup>(R1)</sup> seperti <sup>(Ri)</sup> > <sup>(Rii)</sup> > <sup>(Riii)</sup> yang akan diperincikan sebagai tema pada ayat seterusnya. Beberapa maklumat baru ini akan diringkaskan satu demi satu oleh pewacana. Perincian maklumat baru akan dilakukan pada bahagian tema yang mengandungi maklumat lama dalam ayat-ayat yang seterusnya.

Sebagai contoh, klausa pertama dalam ayat (b), ayat (c), ayat (d) dan ayat (e) pada data 10 merupakan maklumat lama atau tema yang diambil daripada perincian pecahan rema <sup>(R1)</sup> iaitu <sup>(Ri)</sup>, <sup>(Rii)</sup>, <sup>(Riii)</sup> dan <sup>(Riv)</sup>. Klausa yang menjadi perincian pecahan rema tersebut ialah “lesen kasino”, “duti kasino”, “lesen mesin *dealer*” dan “duti mesin judi”. Klausa-klausa ini kemudiannya diringkaskan satu demi satu pada bahagian tema <sup>(T2 = Ri)</sup>, <sup>(T3 = Rii)</sup>, <sup>(T4 = Riii)</sup> dan <sup>(T5 = Riv)</sup> dalam ayat seterusnya. Salah satu contoh klausa yang diringkaskan ialah, “lesen kasino <sup>(T2 = Ri)</sup> akan dinaikkan daripada RM120 juta kepada RM150 juta setiap tahun <sup>(R2)</sup>”. Begitu juga dengan klausa pertama dalam ayat (b), ayat (c), ayat (d) dan ayat (e) pada data 11 yang diambil daripada perincian pecahan rema <sup>(R1)</sup> iaitu <sup>(Ri)</sup>, <sup>(Rii)</sup> dan <sup>(Riii)</sup>. Klausa pertama seperti “bekalan elektrik dan air”, “orang asli” dan

“persatuan penduduk Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia” kemudiannya diperincikan oleh pewacana satu demi satu pada bahagian tema ( $T_2 = Ri$ ), ( $T_3 = Rii$ ) dan ( $T_4 = Riii$ ) dan ( $T_5 = Riv$ ). Salah satu contoh klausa yang diringkaskan ialah, “akses bekalan elektrik dan air ( $T_2 = Ri$ ) di luar bandar akan diberi peruntukan sebanyak RM694 juta dan RM738 juta masing-masing ( $R_2$ )”.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, makalah ini telah berjaya mengenal pasti dan menjelaskan pola susunan maklumat yang terdapat dalam teks ucapan Belanjawan 2019. Bukan itu sahaja, makalah ini juga telah berjaya membuktikan bahawa penggunaan pola susunan maklumat bukan sahaja boleh digunakan untuk mengukur keupayaan pelajar menulis karangan. Malah, pola susunan maklumat juga berupaya meneliti cara pewacana mengkonstruksi maklumat agar proses pengembangan makna dapat berjalan dengan lancar (Thompson, 1996). Jelasnya, pola susunan maklumat yang dibina oleh pewacana tidak hanya terdiri daripada satu jenis pola semata-mata. Malah, teks ucapan Belanjawan 2019 yang disampaikan oleh pewacana dibentuk melalui pola susunan maklumat yang pelbagai. Terdapat empat jenis pola susunan maklumat yang digunakan oleh pewacana iaitu, pola tematik linear (*zig-zag*), pola tematik tema kekal, pola tematik tema daripada hipertema dan pola tematik tema daripada perincian pecahan rema. Pola tematik linear (*zig-zag*) merupakan pola susunan maklumat yang paling tinggi digunakan oleh pewacana. Hal ini kerana, pola jenis tematik linear merupakan pola asas kepada pergerakan maklumat dalam sesuatu ujaran atau wacana.

Manakala, pola tematik tema kekal pula merupakan tema kedua tertinggi yang digunakan. Hal ini demikian, pewacana memilih untuk mengekalkan bahagian tema bagi menentukan hala tuju perbicaraan. Walau bagaimanapun, bahagian rema masih dikembangkan melalui maklumat yang berbeza-beza dalam ayat yang sama. Pola tematik tema daripada hipertema juga digunakan apabila pewacana ingin menyampaikan maklumat lama melalui ayat topik. Semua ayat yang dizahirkan akan dikawal dengan kepelbagaian maklumat mengikut isu yang diketengahkan dalam ayat topik. Dengan ini, khalayak mampu memahami maklumat yang disampaikan dengan merujuk inti ujaran terdahulu. Walau bagaimanapun, rema tetap berperanan untuk menyampaikan maklumat baru agar informasi dapat dikembangkan. Selain itu, pola tematik tema daripada perincian pecahan rema turut dimanfaatkan oleh pewacana untuk mengembangkan bahagian maklumat baru. Ini bermaksud, maklumat-maklumat baru akan diperincikan satu demi satu berdasarkan kepada jumlah maklumat yang terkandung dalam bahagian rema berkenaan.

Dapat disimpulkan bahawa, wacana belanjawan ini tidak dihasilkan dengan mudah, malah dicipta dengan proses yang kompleks melalui pengemblengan beberapa jenis pola susunan maklumat. Longacre (1979) menegaskan bahawa kolaborasi beberapa susunan maklumat akan menghasilkan makna yang utuh keseluruhannya. Hal ini demikian, tema dan rema dapat membina satu aliran huraian yang logik dan sistematik. Dengan ini, pembaca atau pendengar dapat mengikuti perkembangan sesuatu idea yang ingin disampaikan oleh pewacana. Pengutaraan cadangan, ideologi, fakta, laporan dan dasar yang terkandung dalam teks ucapan melalui pengemblengan beberapa jenis pola susunan maklumat telah membuktikan bahawa teks ucapan Belanjawan 2019 memiliki ciri bermaklumat dan berketujuan. Bukan itu sahaja, pemanfaatan pelbagai jenis pola susunan maklumat juga dapat digandingkan dengan fungsi wacana belanjawan yang memberi penerangan tentang perancangan kewangan negara kepada khalayak.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Mohd Sera'ai, Idris Aman & Maserah Shabudin. (2017). Penguasaan Ciri Aliran Tematik Penulisan Bahasa Sepanyol Bukan Natif. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 17(2), 84-104.
- Azlina Mohd Sera'ai & Maserah Shabudin. (2015). Ciri Aliran Tematik Karangan Ekpositori Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal e-Bangi*. Vol. 10(2), 41-56.
- Brown, G & Yule, G. (1983). *Discourse Analysis*. New York: Cambridge University Press.
- Carlsson, B. & Eliasson, G. (1994). The Nature and Importance of Economic Competence. *Industrial and Corporate Change*. Vol. 3(1), 687-711.
- Cook, G. (1989). *Discourse*. New York: Oxford Linguistic Press.
- Cook, G. (1989). *Discourse in Language Teaching: A Scheme For Teacher Education*. Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. London: SAGE Publications.
- Crystal, D. (2007). *How Language Works*. England: Penguin Books.
- Danes, F. (1974). *Functional Sentence Perspective and The Organization of The Text*. Prague: Academia.
- Ebrahimi, S. F., & Ebrahimi, S.J. (2012). Information Development in EFL Students Composition Writing. *Advances in Asian Social Science*. Vol. 1(2), 212-217.
- Erteschik-Shir, N. (2007). *Information Structure: The Syntax-Discourse Interface*. New York: Oxford Linguistic Press.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. New York: Routledge.
- Ferry, L., Zakaria, Z. & Eckersley, P. (2014). The Role of Budget Speech: A Malaysian Government Study. *International Journal of Public Sector Management*. Vol. 27(7), 564-580.
- Gao, L. (2012). Examining Argumentative Coherence in Essays by Undergraduate Students of English as a Foreign Language in Mainland China and Their English Speaking Peers in The United States. Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan, Florida International University, United States.
- Google Ngram Viewer. (2019). Dikutip pada 18 Februari 2020 from <https://books.google.com/ngrams>.
- Halliday, M.A.K & Hasan, R. (2014). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Halliday, M.A.K. & Matthiessen, C.M.I.M. (2014). *Halliday's Introduction To Functional Grammar*. Fourth Edition. Oxford: Routledge.
- Halliday, M.A.K. (1985). *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Idris Aman. (2014). *Analisis Wacana*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Idris Aman. (2012). *Discourse in Social Life: From the World of Language to Real World Linguistics*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2018). *Teks Ucapan Belanjawan 2019*. Dimuat turun daripada <http://www.treasury.gov.my/pdf/ucapan/ub19.pdf>.
- Lukin, A. (2015). The Construction of A 'Narrative' in Australian Federal Budget Speeches 1996-2013. *Australian Journal of Political Science*. Vol. 50(2), 258-278.
- Medve, V. B., & Takac, V. P. (2013). The Influence of Cohesion and Coherence on Text Quality: A Cross-linguistic Study of Foreign Language Learners' Written Production. In E. Piechurska-Kuciel & E. Szymanska-Czaplak (Ed.). *Language in Cognition and Affect* (pp. 111-131). Berlin, Heidelberg: Springer Berlin Heidelberg.
- Norfaizah A. Jobar & Anida Sarudin. (2014). Proses Tematik Dalam Pembinaan Karangan Karangan: Analisis Teori Linguistik Sistemik Fungsional. *Kajian Linguistik*. Vol. 1, 126-140.
- Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin & Idris Mohd Radzi. (2014). Pola Tematik dan Implikasinya Dalam Pengajaran Penulisan Karangan. *Jurnal Pendeta*. Vol. 5, 25-41.
- Rajandran, K. (2019). Portraying Economic Competence in Malaysian Federal Budget Speeches. *GEMA OnlineJournal of Language Studies*. Vol. 19(1), 17-35.
- Samihah Khalil, Siti Alida John Abdullah & Subri Hasim. (2010). *Pentadbiran Kewangan*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Sato Hirobumi. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah: Suatu Pandangan Dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steedman, M. (2000). Information Structure and The Syntax-Phonology Interface. *Linguistic Inquiry*. Vol. 34, 649-689.
- Thompson, N. (2015). New Liberalism, New Language? The Use of Collectivist Concepts in The Budget speeches of 1893-95 and 1906-14. *Cogent Arts and Humanities*. Vol. 2, 1-22.
- Thompson, G. (1996). *Introducing Functional Grammar*. London: Arnold Publishing.
- Van Dijk, T. (1997). What is Political Discourse Analysis?. *Belgian Journal of Linguistics*. Vol. 11, 11-52.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MUHAMMAD FAIZUL ABD HAMID**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
[reach.faizul@gmail.com](mailto:reach.faizul@gmail.com)

### **MOHD AZIDAN ABDUL JABAR**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
[azid@upm.edu.my](mailto:azid@upm.edu.my)